

Sintok: Skuad ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan membawa pulang pingat emas untuk acara ragbi 7s Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT 2024) di Universiti Utara Malaysia (UUM), kelmarin.

UPM yang juga juara bertahan mengekalkan kemenangan kali kelima dalam temasya SUKIPT selepas menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 21-0.

Lebih manis kejayaan merangkul emas ini dilalui dengan tanpa bolos sejak acara ragbi dimulakan pada Jumaat lalu dengan rekod perlawanan menewaskan UniKL (32-0), IPG KL (29-0), UTEM (34-0), Politeknik Malaysia (24-0).

Aksi di separuh akhir pula menyaksikan UPM menewaskan Universiti Teknologi Petronas (UTP) 34-0, sebelum memuktamadkan kejuaraan menjinakkan UiTM.

Pengurus Pasukan UPM, Muhammad Zyuraidi Abdul Majid bersyukur skuadnya yang dibarisi pemain baharu tahun pertama dan kedua menunjukkan komitmen tinggi untuk merebut kemenangan sejak memulakan aksi dalam kumpulan F.

“Faktor kemenangan kami adalah tahap disiplin dan komitmen tinggi yang dimiliki setiap pemain melalui persiapan yang kami lakukan di Serdang sebe-



SKUAD ragbi UPM menggondol pingat emas untuk acara ragbi 7s pada aksi SUKIPT 2024 di UUM, kelmarin. - Gambar NSTP/IZZALI ISMAIL

Skuad ragbi UPM kekalkan status juara bertahan

SUKIPT 6
SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2024
Universiti Utara Malaysia

lum hadir ke SUKIPT. Ini mendorong persembahan baik oleh kesemua pemain yang turun dengan penuh berkeyakinan.

“Pemain juga menambahkan tahap keyakinan

mereka apabila kami berjaya mengekalkan kedudukan tanpa bolos hingga ke peringkat akhir dan

itu motivasi yang kami bawa hingga dapat mengekalkan sasaran emas

pada tahun ini.

“Namun cabaran yang kami hadapi tidak mudah kerana lawan kami sentiasa memberi saingan hebat terutama di peringkat separuh akhir dan juga akhir,” katanya.

Antara pemain UPM yang menyerlah pada aksi di SUKIPT 2024 ini ialah A'mmaar Mohd Zamri.

Sementara itu, pasukan ragbi 7s wanita Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara selepas menewaskan Politeknik Malaysia dengan keputusan 19-5.

Pasukan ragbi 7s wanita UiTM muncul juara selepas tewaskan Politeknik Malaysia